

Shaick Saifullah, Aula Atikah unggul cabaran keusahawanan



Shaick Saifullah (kanan) dan Aula Atikah dengan hadiah kemenangan masing-masing.

Serdang: Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengguna, Universiti Putra Malaysia (UPM), Shaick Saifullah Jehangir Ali, muncul juara Program Cabaran Keusahawanan Dagang 2016 (TRADEC '16), baru-baru ini.

Pada pertandingan anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UPM itu, peserta dikehendaki menjalankan perniagaan dagang serta program pemulihan bisnes bersama usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Melalui pendedahan diperoleh, Shaick Saifullah berkata, beliau ber-

peluang mempelajari pelbagai teknik hebat untuk menjalankan perniagaan secara lebih berkesan.

"Saya akan memanfaatkan segala ilmu dan pengalaman diraih sepanjang mengikuti program ini," katanya yang juga pemilik syarikat Ombak Printing Services.

Geran perniagaan

Kemenangan itu menyaksikan Shaick Saifullah membawa pulang geran perniagaan bernilai RM1,800, pakej lawatan ke Guangzhou, China, sesi kejurulatihan perniagaan peribadi bernilai RM3,000 dan tambah nilai RM100.

Sementara itu, tempat

kedua dimenangi oleh Amirul Hakim Shaharul Badri yang menerima geran perniagaan RM1,500 dan sesi kejurulatihan perniagaan peribadi bernilai RM1,500.

Tempat ketiga pula diraih Mohd Nor Fadil Lanangka dengan hadiah geran perniagaan RM1,000 dan sesi kejurulatihan perniagaan peribadi bernilai RM1,000.

Dalam pada itu, Cabaran Integrasi Keusahawanan Ekonomi Wanita (iKEKWA 1.0) yang juga anjuran UCTC UPM dimenangi oleh Aula Atikah Radzizuan dengan menerima hadiah geran perniagaan RM1,500 dan pakej lawatan ke Ho Chi Minh City, Vietnam.